**Embargo** : Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 6 November 2023

**KEMENTERIAN EKONOMI**
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA**

**SUKU TAHUN KETIGA 2023**

---

# Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 1.4 peratus pada Suku Tahun Ketiga 2023

**PUTRAJAYA, 6 November 2023** – Satu laporan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KETIGA 2023** yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia telah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini. IHPRP mencatatkan 115.4 mata pada suku tahun ketiga 2023, peningkatan 1.4 peratus berbanding 113.8 pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, "Semua subsektor merekodkan peningkatan pada suku ini kecuali indeks Maklumat & Komunikasi yang kekal tidak berubah. Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman meningkat 4.6 peratus (ST2 2023: 6.3%) disebabkan oleh peningkatan dalam Restoran & Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (5.2%) dan Pengangkutan merekodkan peningkatan marginal 0.7 peratus (ST2 2023: 4.8%) disebabkan oleh Pengangkutan Udara (1.5%). Pada masa yang sama, subsektor lain yang merekodkan kenaikan adalah Pendidikan (1.0%), Kesenian, Hiburan & Rekreasi (0.8%) dan Profesional (0.4%). Sementara itu, indeks Aktiviti Hartanah dan Kesihatan masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus."

Beliau mengulas lanjut, "Perbandingan Suku tahun ke suku tahun menunjukkan IHPRP meningkat 0.4 peratus berbanding 0.2 peratus yang dilaporkan pada suku tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh kenaikan terutamanya dalam indeks Kesenian, Hiburan & Rekreasi (3.0%), Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (0.9%),

Pendidikan (0.3%) dan Aktiviti Hartanah (0.2%). Manakala indeks Pengangkutan, Profesional, Kesihatan dan Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah.”

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari https://www.myagricensus.gov.my/ untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“*Statistik Nadi Kehidupan*”.*

**Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (2010=100), Suku Tahun Ketiga 2023**

| Subsektor | Indeks | | | Peratus Perubahan (%) | |
|---|---|---|---|---|---|
| | ST3 2022 | ST2 2023 | ST3 2023 | ST3 2023/ ST2 2023 | ST3 2023/ ST3 2022 |
| **JUMLAH** | **113.8** | **114.9** | **115.4** | **0.4** | **1.4** |
| **Pengangkutan** | 109.7 | 110.5 | 110.5 | 0.0 | 0.7 |
| **Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman** | 145.4 | 150.7 | 152.1 | 0.9 | 4.6 |
| **Maklumat & Komunikasi** | 101.1 | 101.1 | 101.1 | 0.0 | 0.0 |
| **Aktiviti Hartanah** | 127.0 | 126.9 | 127.2 | 0.2 | 0.2 |
| **Profesional** | 104.1 | 104.5 | 104.5 | 0.0 | 0.4 |
| **Pendidikan** | 117.1 | 118.0 | 118.3 | 0.3 | 1.0 |
| **Kesihatan** | 107.6 | 107.8 | 107.8 | 0.0 | 0.2 |
| **Kesenian, Hiburan & Rekreasi** | 107.4 | 105.1 | 108.3 | 3.0 | 0.8 |




Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**
**6 NOVEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 6th November 2023

**MINISTRY OF ECONOMY**
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT**

**SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA**

**THIRD QUARTER 2023**

---

# *The Services Producer Price Index increased by 1.4 per cent in the Third Quarter of 2023*

***PUTRAJAYA, November 6th, 2023** – A report on the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), THIRD QUARTER 2023**, which measures changes in producer prices for Malaysia's domestic services sector, was released today by the Department of Statistics Malaysia. The SPPI averaged 115.4 points in the third quarter of 2023, an increase of 1.4 per cent as compared to 113.8 in the same quarter of the preceding year.*

*The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained in the statement that, "All subsectors recorded an increase in this quarter except the index of Information & Communication which remained unchanged. The Accommodation and Food & Beverage Service Activities rose by 4.6 per cent (Q2 2023: 6.3%) attributed to the increase in Restaurants & Mobile Food Service Activities (5.2%) and Transportation recorded a marginal increase of 0.7 per cent (Q2 2023: 4.8%) due to the Air Transport (1.5%). In the meantime, the other subsectors that recorded an increase were Education (1.0%), Arts, Entertainment & Recreation (0.8%) and Professional (0.4%). Meanwhile, the index of Real Estate Activities and Health both increased by 0.2 per cent, respectively."*

*He further elaborated that, "On a quarter-on-quarter basis comparison shows that SPPI increased by 0.4 per cent as compared to 0.2 per cent recorded in the previous quarter. This was due to the increase particularly in Arts, Entertainment & Recreation (3.0%), Accommodation and Food & Beverage Service Activities (0.9%), Education (0.3%) and Real*

*Estate Activities (0.2%) subsectors. Meanwhile, the index of Transportation, Professional, Health and Information & Communication remained unchanged."*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through https://open.dosm.gov.my portal.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit https://www.myagricensus.gov.my/ for more information. "Agriculture Census, Key to Agriculture Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

***Table 1: Services Producer Price Index (2010=100), Third Quarter 2023***

| ***Subsector*** | ***Index*** | | | ***Percentage Change (%)*** | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Q3 2022** | **Q2 2023** | **Q3 2023** | **Q3 2023/ Q2 2023** | **Q3 2023/ Q3 2022** |
| ***TOTAL*** | **113.8** | **114.9** | **115.4** | **0.4** | **1.4** |
| ***Transportation*** | 109.7 | 110.5 | 110.5 | 0.0 | 0.7 |
| ***Accommodation and Food & Beverage Service Activities*** | 145.4 | 150.7 | 152.1 | 0.9 | 4.6 |
| ***Information & Communication*** | 101.1 | 101.1 | 101.1 | 0.0 | 0.0 |
| ***Real Estate Activities*** | 127.0 | 126.9 | 127.2 | 0.2 | 0.2 |
| ***Professional*** | 104.1 | 104.5 | 104.5 | 0.0 | 0.4 |
| ***Education*** | 117.1 | 118.0 | 118.3 | 0.3 | 1.0 |
| ***Health*** | 107.6 | 107.8 | 107.8 | 0.0 | 0.2 |
| ***Arts, Entertainment & Recreation*** | 107.4 | 105.1 | 108.3 | 3.0 | 0.8 |




*Released by:*

***THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA***
***DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA***
***6th NOVEMBER 2023***